A

Che Sa'adon bin Che Yahya lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO T-06B-38–05 TAHUN 2022 DAN T-06B-39–05 TAHUN 2022
AHMAD ZAIDI IBRAHIM, MOHAMED ZAINI MAZLAN AND AZMI ARIFFIN HHMR
11 MAC 2025

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan pertuduhan pilihan di bawah s 471 Kanun Keseksaan — Sama ada tertuduh dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulen yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu — Sama ada pertuduhan pilihan terhadap tertuduh adalah cacat — Sama ada tarikh kesalahan dilakukan dinyatakan secara spesifik — Sama ada memprejudiskan tertuduh — Sama ada pendakwa raya gagal mengemukakan izin mendakwa semasa mengemukakan pertuduhan pilihan — Sama ada Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen membuat penilaian kehakiman terhadap pembelaan perayu — Sama ada sabitan dan hukuman selamat

D

E

Perayu, seorang Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu, telah mempengerusikan satu mesyuarat pengurusan berkaitan persediaan dan pembahagian tugas untuk mesyuarat agong tahunan. Di dalam mesyuarat tersebut, perayu telah mengarahkan ketua unit operasi ('SP4') untuk mengambil ikan kerapu hybrid di Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Marin untuk diberikan sebagai cenderahati kepada orang-orang kenaman ('VIP') yang akan hadir nanti. SP4 turut bertanya kepada perayu mengenai bayaran yang harus dibayar bagi pengambilan ikan-ikan tersebut, namun perayu mengatakan bahawa SP4 hanya perlu mengambil sahaja ikan tersebut tanpa perlu membuat apa-apa bayaran. Berikutan itu, SP4 bersama tiga pegawai yang lain telah pergi mengambil ikan kerapu tersebut darpada penternak ikan marin ('SP2'). SP2 bersama isterinya ('SP3') merupakan pengusaha ikan kerapu yang didaftarkan di atas nama Perniagaan Zunainaa Abdul Majid. Menurut SP2 semasa berada di pusat pembenihan ikan, beliau telah didatangi oleh tiga individu. Salah seorang daripada mereka memperkenalkan diri sebagai wakil Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan kedatangan mereka adalah untuk mengambil ikan yang telah ditempah oleh pegawai atasan mereka. Berikutan itu, SP2 menyerahkan tujuh bekas polisterin berisi 20 ekor ikan kerapu tersebut kepada mereka. Setelah meletakkan kesemua bekas polisterin tersebut ke dalam kenderaan, mereka pun terus beredar. SP2 sahkan tiada pembayaran dibuat ketika mereka mengambil ikan-ikan tersebut. Lebih kurang tiga ke empat hari selepas itu, SP2 didatangi oleh seorang individu yang

F

G

H

I

A tidak dikenalinya (kemudiannya dicamkan sebagai perayu) untuk membuat bayaran bagi 20 ekor ikan kerapu, bekas polisterin dan ais yang dipesan sebelum ini. SP2 memaklumkan kepada perayu bahawa SP2 telah berniat untuk memberikan ikan dan barangan tersebut secara percuma sahaja. Namun begitu perayu tetap berkeras untuk membuat bayaran dan terus memasukkan B sejumlah wang ke dalam poket baju melayu yang dipakai oleh SP2 dan pergi dari tempat itu. Wang tersebut berjumlah RM300 dan SP2 tidak mengeluarkan sebarang resit pembelian kepada perayu mahupun kepada Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu. Lanjutan itu, kerani akaun di Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu ('SP7') telah menerima satu resit C bertarikh 17 September 2016 daripada Zunainaa Usahawan Pertubuhan Peladang Kawasan Gerai Kerapu bernilai RM600 ('eksh P8') daripada perayu. Setelah perayu membuat pengesahan melalui tulisan dan tandatangannya pada eksh P8 tersebut, SP7 telah memproses bayaran bagi resit tersebut dengan menyediakan General Payment Voucher ('eksh P16'). Ekshibit P16 disahkan D dan diperiksa oleh Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu ('SP8') dan Penolong Akauntan di Pertubuhan Peladang ('SP9'). Setelah baucar bayaran ini telah siap mendapat pengesahan dan kelulusan, SP7 telah menyerahkan wang tunai sebanyak RM967 dan jumlah ini termasuk RM600 bagi tuntutan ikan kerapu kepada E perayu. Perayu kemudiannya dipertuduh melakukan satu kesalahan di bawah s 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Selain itu, pertuduhan pilihan di bawah s 471 Kanun Keseksaan juga dikenakan terhadap perayu. Di akhir kes pendakwaan, mahkamah sesyen mendapati pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan suatu kes prima facie terhadap perayu F dan perayu dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan tersebut. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah merayu terhadap perintah pembebasan dan pelepasan tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah mengenepikan perintah yang dibuat oleh mahkamah sesyen dan memerintahkan perayu dipanggil G untuk membela diri terhadap pertuduhan pilihan bagi kesalahan di bawah s 471 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memutuskan perayu dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu satu resit bertarikh 17 September 2016 bagi pembelian ikan kerapu hybrid bernilai RM600 yang mana beliau mempunyai H sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu. Oleh itu, perayu disabitkan dan dikenakan hukuman denda RM5,000 jika tidak bayar lima bulan pemenjaraan. Tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut, pendakwa raya telah merayu terhadap hukuman di Mahkamah Tinggi ('rayuan pendakwaan'). Tidak berpuas hati dengan sabitan tersebut, perayu pula telah I merayu terhadap sabitan dan hukuman ('rayuan perayu') di Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pendakwaan dan perintah hukuman HMT diketepikan dan dipinda kepada hukuman pemenjaraan selama satu minggu dan denda RM10,000 jika gagal bayar sembilan bulan pemenjaraan. Manakala, rayuan perayu terhadap sabitan dan

hukuman ditolak. Terkilan, perayu telah memfailkan dua notis rayuan terhadap sabitan dan hukuman di Mahkamah Rayuan. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah: (a) sama ada pertuduhan pilihan terhadap perayu adalah cacat dan tidak sah kerana tidak dinyatakan secara spesifik bilakah tarikh kesalahan tersebut dikatakan telah dilakukan; (b) sama ada pertuduhan pilihan tersebut tidak sah disebabkan oleh kegagalan pendakwa raya mengemukakan izin mendakwa semasa mengemukakan pertuduhan pilihan tersebut; dan (c) sama ada Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen gagal untuk membuat penilaian kehakiman terhadap pembelaan yang dikemukakan oleh perayu bagi pertuduhan pilihan tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan dan hukuman:

(1) Memandangkan tiada apa-apa bayaran yang telah dibuat oleh SP4 ketika mengambil ikan-ikan tersebut dan tiada juga resit pembelian yang dikeluarkan oleh SP2 atau SP3, maka sudah terang lagi bersuluh bahawa perayu telah menggunakan resit palsu (eksh P8) sebagai tulen untuk menuntut pembayaran sebanyak RM600 daripada organisasinya. Fakta bahawa eksh P8 bukanlah resit milik SP2 dan SP3 tidak pernah dicabar oleh pihak pembelaan semasa di peringkat pemeriksaan balas. Malah pihak pembelaan sendiri turut mengesahkan bahawa tiada resit yang dikeluarkan oleh SP2 kepada perayu pada malam perayu secara peribadi pergi menemui SP2. Fakta dan keterangan ini kekal berdiri teguh sehingga berakhirnya kes pembelaan (lihat perenggan 41–42).

(2) Terdapat keterangan mencukupi untuk membuktikan bahawa eksh P8 adalah palsu. Tiada keperluan untuk pihak pendakwaan menghantar resit eksh P8 untuk pemeriksaan ujian forensik bagi mengesahkan ketulenan eksh P8 kerana keterangan nyata menunjukkan eksh P8 tidak pernah disediakan atau pun dikeluarkan oleh SP2 dan SP3 kepada perayu. Ternyata perayu telah menggunakan resit ekshibit P8 tersebut secara curang dan hasil daripada pengunaan dokumen palsu tersebut (eksh P8), perayu telah mendapat keuntungan salah berbentuk wang tunai berjumlah RM600 (lihat perenggan 46 & 50–51).

(3) Mengenai kecacatan pada pertuduhan, meskipun tiada keterangan daripada SP7 bilakah tarikh sebenar dokumen eksh P8 ini digunakan oleh perayu untuk menuntut bayaran tersebut, namun apa yang pasti adalah ianya berlaku di antara tarikh 17 September 2016 (tarikh resit eksh P8) sehingga tarikh pembayaran dibuat oleh SP7 kepada perayu pada 29 September 2016 (eksh P19). Di atas dasar itu, pihak pendakwaan meletakkan tarikh umum sahaja iaitu bulan September 2016 di dalam pertuduhan mereka. Malah berdasarkan kepada nota prosiding serta sesi pemeriksaan balas terperinci yang dibuat oleh perayu terhadap saksi-saksi pihak pendakwaan, jelas menunjukkan bahawa

pihak pembelaan mengetahui bahawa tarikh pertuduhan terhadap perayu adalah bagi kesalahan yang berlaku pada bulan September tahun 2016 yang tiada menimbulkan sebarang kekeliruan di pihak perayu. Tidak wujudnya kepincangan di dalam pertuduhan tersebut dan pertuduhan tersebut adalah jelas dan dan teratur. Maka dengan itu, isu kecacatan yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan tidak mempunyai merit sama sekali dan sewajarnya ditolak (lihat perenggan 52–53).

(4) Bagi pertuduhan pilihan di bawah s 471/465 Kanun Keseksaan, tiada keperluan undang-undang untuk pihak pendakwaan mengemukakan izin untuk mendakwa bagi kesalahan ini. Namun begitu, jika seandainya mahkamah terkhilaf tentang perkara ini dan keizinan untuk mendakwa diperlukan, ketiadaannya tidak menyebabkan pertuduhan pilihan ini menjadi tidak sah. Ini adalah kerana pendakwaan kes ini dikendalikan oleh seorang timbalan pendakwa raya. Dengan itu telah terdapat keizinan tersirat (*implicit consent*) daripada pendakwa raya kerana timbalan pendakwa raya adalah alter ego kepada pendakwa raya. Dengan itu, tiada keperluan untuk izin mendakwa dikemukakan bilamana seorang timbalan pendakwa raya yang diberikan kuasa oleh pendakwa raya di bawah s 376(3) Kanun Tatacara Jenayah hadir mengendalikan perbicaraan kes ini (lihat perenggan 56–57).

(5) Mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi telah pun menimbangkan segala inti pati pertuduhan pilihan ini serta pembelaan perayu secara teliti dan memperhalusinya sebelum memutuskan perayu gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Berdasarkan kepada keterangan yang dizahirkan serta alasan penghakiman mahkamah seysen dan juga Mahkamah Tinggi yang disediakan, adalah didapati bahawa tiada sebarang kekhilafan di pihak kedua-dua mahkamah tersebut berhubung dengan dapatan sabitan yang dibuat oleh mereka bagi pertuduhan pilihan ini. Justeru, tiada terdapat apa-apa merit di dalam rayuan ini untuk mewajarkan campurtangan terhadap keputusan mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi yang mendapati perayu bersalah terhadap pertuduhan pilihan yang telah dikenakan terhadapnya. Sabitan adalah selamat untuk dikekalkan (lihat perenggan 69–71).

(6) Walaupun nilai wang yang menjadi subjek pertuduhan hanyalah sekadar RM600 sahaja dan kerugian yang dialami oleh Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu ini tidaklah sebesar mana, namun apa yang harus diberi penekanan berat adalah perbuatan perayu yang telah secara curang mengemukakan dokumen palsu untuk membuat tuntutan bagi keuntungan dirinya sendiri. Perayu, seorang pengurus besar di dalam organisasinya tidak melaksanakan amanah berat yang dipikul dengan ikhlas, jujur dan berintegriti. Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi mengenepikan perintah mahkamah sesyen dan meminda kepada

hukuman pemenjaraan selama satu minggu bermula dan denda RM10,000 jika gagal bayar sembilan bulan pemenjaraan dikekalkan (lihat perenggan 72 & 75).

[English summary

The appellant was the General Manager of the Terengganu State Farmers' Organisation, had chaired a management meeting in relation to the preparation and division of duties for the annual general meeting. In the said meeting, the appellant had instructed the head of the operations unit ('PW4') to take the hybrid grouper at the Marine Fish Hatchery and Nursery Centre to be given as a souvenir to the VIPs who would visit them later. PW4 also asked the appellant about the payment to be paid for the fish, but the appellant said that PW4 should only take the fish without having to make any payment. Following that, PW4 along with three other officers went to collect the grouper from a marine fish farmer ('PW2'). PW2 and his wife ('PW3') were grouper fish operators registered under the name of Perniagaan Zunainaa Abdul Majid. According to PW2, whilst at the fish hatchery centre, he was approached by three individuals. One of them introduced himself as a representative of the Terengganu State Farmers Organisation and their arrival was to pick up fish that had been ordered by their superior officer. Following that, PW2 handed over seven polystyrene containers containing 20 groupers to them. After putting all the polystyrene containers into the vehicle, they went away. PW2 confirmed that no payment was made when they took the fish. About three to four days later, PW2 was approached by an unknown individual (later identified as the appellant) to pay for the 20 grouper, polystyrene containers and ice that had been taken earlier. PW2 informed the appellant that PW2 had intended to provide the fish and the goods free of charge only. However, the appellant still insisted on making the payment and continued to put a sum of money in the pocket of the baju melayu worn by PW2 and left the place. The said money amounted to RM300 and PW2 did not issue any purchase receipt to the appellant or to the Terengganu State Farmers Organisation. Further, the account clerk at the Terengganu State Farmers' Organisation ('SP7') had received a receipt dated 17 September 2016 from Zunainaa Usahawan Pertubuhan Peradang Kawasan Gerai Kerapu worth RM600 ('Exh P8') from the appellant. After the appellant had made an endorsement through his writing and signature on the exh P8, PW7 had processed the payment for the receipt by providing a General Payment Voucher ('exh P16'). Exhibit P16 was verified and inspected by the Manager of the Human Resources and Administration Division of the Terengganu State Farmers' Organisation ('PW8') and the Assistant Accountant at the Farmers' Organisation ('PW9'). After the payment voucher was completed and approved, PW7 handed over RM967 in cash and this amount included RM600 for the grouper claim to the appellant. The appellant was then charged with committing an offence under s 18 of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009. In addition, an alternative charge under s 471 of the Penal Code was also imposed against the

A appellant. At the end of the prosecution case, the sessions court found that the prosecution had failed to establish a prima facie case against the appellant and the appellant was discharged and acquitted of the main and alternative charge. Dissatisfied with the decision, the public prosecutor appealed against the discharge and acquittal order. The High Court judge ('HCJ') set aside the order B made by the sessions court and ordered the appellant to be called to defence against the alternative charge for the offence under s 471 of the Penal Code. At the end of the defence case, the sessions court judge ('SCJ') ruled that the appellant had fraudulently used a document as genuine, namely a receipt dated 17 September 2016 for the purchase of hybrid grouper worth RM600 which C he had reason to believe that the document was forged. Therefore, the appellant was convicted and sentenced to a fine of RM5,000 in default five months imprisonment. Dissatisfied with the sentence, the public prosecutor appealed against the sentence in the High Court ('prosecution's appeal'). Dissatisfied with the conviction, the appellant appealed against the conviction and D sentence ('appellant's appeal') in the High Court. The High Court had allowed the prosecution's appeal and HCJ's sentencing order to be set aside and amended to a one-week jail term and a fine of RM10,000 in default nine months of imprisonment. Meanwhile, the appellant's appeal against the conviction and sentence was dismissed. Aggrieved, the appellant filed two E notices of appeal against the conviction and sentence at the Court of Appeal. The issues raised for the consideration of the court were: (a) whether the alternative charge against the appellant was defective and invalid as it was not specified when the date of the offence was said to have been committed; (b) whether the alternative charge was invalid due to the failure of the public F prosecutor to give consent to prosecute at the time of filing the alternative charge; and (c) whether the High Court and the sessions court failed to make a judicial assessment of the defence put forward by the appellant on the alternative charge.

G **Held**, dismissing the appeal to the conviction and sentence:

(1) Since there was no payment been made by PW4 when taking the fish and there was no purchase receipt issued by PW2 or PW3, it was clear that the appellant had used the false receipt (exh P8) as genuine to demanded H payment of RM600 from his organisation. The fact that exh P8 was not a receipt belonging to PW2 and PW3 had never been challenged by the defence during the cross-examination stage. In fact, the defence itself also confirmed that there was no receipt issued by PW2 to the appellant on the night the appellant personally went to see PW2. These facts and I evidence stood firm until the end of the defence case (see paras 41–42).

(2) There was sufficient evidence to prove that exh P8 was fake. There was no need for the prosecution to send the receipt of exh P8 for forensic examination to verify the authenticity of exh P8 as the evidence clearly shown that exh P8 was never prepared nor issued by PW2 and PW3 to

the appellant. It turned out that the appellant had fraudulently used the exh P8 receipt and from the use of the false document (exh P8), the appellant had obtained false profit in the form of cash amounting to RM600 (see paras 46 & 50–51).

(3) On the defect in the charge, although there was no evidence from PW7 as to the exact date of the exh P8 document used by the appellant to claim the payment, what was certain was that it occurred between 17 September 2016 (the date of receipt of exh P8) until the date of payment made by SP7 to the appellant on 29 September 2016 (exh P19). On that basis, the prosecution put only a general date of September 2016 in their charges. In fact, based on the minutes of the proceedings as well as the detailed cross-examination session made by the appellant against the prosecution's witnesses, it was clear that the defence knew that the date of the charge against the appellant was for the offence which occurred in September 2016 and did not cause any confusion on the part of the appellant. There were no irregularities in the charges and the charges were clear and was in order. Therefore, the issue of defect raised by the defence had no merit at all and should be rejected (see paras 52–53).

(4) For the alternative charge under s 471/465 of the Penal Code, there was no legal requirement for the prosecution to tender the sanction to prosecute for this offence. However, if the court was erred about this matter and consent to prosecute was required, its absence does not render the alternative charge defective. This was because the prosecution of this case was handled by a deputy public prosecutor. Thus there had been implicit consent from the public prosecutor because the deputy public prosecutor was the alter ego of the public prosecutor. Thus, there was no need for consent to prosecute when a deputy public prosecutor authorised by the public prosecutor under s 376(3) of the Criminal Procedure Code was present to conduct the trial of this case (see paras 56–57).

(5) The sessions court and the High Court had already considered the element of the alternative charge as well as the appellant's defence carefully and analysed it before holding that the appellant had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. Based on the evidence adduced and the grounds of judgment of the sessions court and the High Court, it was found that there was no error on the part of the two courts in relation to the findings of conviction made by them for this alternative charge. Therefore, there was no merit whatsoever in this appeal to interfere with the decision of the sessions court and the High Court which found the appellant guilty of the alternative charges that had been preferred against him. The conviction was safe (see paras 69–71).

(6) Even though the value of the money that was the subject of the charge was only RM600 and the loss suffered by the Terengganu State Farmers' Organisation was not as large, what should be emphasised was the act of the appellant who had fraudulently submitted false documents to make a claim for his own benefit. The appellant, a general manager in his organisation, did not carry out his responsibility sincerely, honestly and with integrity. Therefore, the High Court's decision to set aside the order of the sessions court and amended it to a one-week imprisonment sentence and a fine of RM10,000 in default nine months of imprisonment was affirmed (see paras 72 & 75).]

Kes-kes yang dirujuk

Azhar bin Che Wil v PP [2010] 6 MLJ 22, MP (dirujuk)
Choo Kok Bang v Choo Kok Hoe & Ors [1984] 2 MLJ 165; [1984] CLJU 40; [1984] 1 LNS 40, PC (dirujuk)
Director of Forests & Anor v Mau Kam Tong & Mau Kim Siong (the executors of the estate of Mau Ming, deceased) & Anor and another appeal [2010] 3 MLJ 509; [2010] 3 CLJ 377, MR (dirujuk)
Fam Meng Siong & Anor v PP [2012] 5 MLJ 464; [2012] 7 CLJ 557, MR (dirujuk)
First Count Sdn Bhd v Wang Yew Logging & Plantation Sdn Bhd [2013] 4 MLJ 693; [2013] CLJU 625; [2013] 1 LNS 625, MR (dirujuk)
Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309, MP (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, MP (dirujuk)
Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19, MR (dirujuk)
Lee Nyan Hon & Bros Sdn Bhd v Metro Charm Sdn Bhd [2009] 6 MLJ 1; [2009] 6 CLJ 626, MR (dirujuk)
Nor Azlina bt Abdul Aziz v Expert Project Management Sdn Bhd [2017] 3 MLJ 763; [2017] 5 CLJ 58, MR (dirujuk)
Perembun (M) Sdn Bhd v Conlay Construction Sdn Bhd [2012] 4 MLJ 149; [2012] CLJU 1416; [2012] 1 LNS 1416, MR (dirujuk)
Raja Lob Sharuddin bin Raja Ahmad Terzali & Ors v Sri Seltra Sendirian Bhd [2008] 2 MLJ 87; [2008] 2 CLJ 284, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 18, 58
Kanun Keseksaan ss 24, 26, 471, 464, 465
Kanun Tatacara Jenayah ss 153, 158, 159, 162, 376(3), 422
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(1)

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Che Saadon bin Che Yahya* [2023] MLJU 3418 (Kuala Terengganu, Mahkamah Tinggi)

Ahmad Nizam bin Mohamed (Alias Ibrahim & Co) bagi pihak perayu.
Muhammad Asraf bin Mohamed (Farah Yasmin bt Salleh bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman terhadap pertuduhan berikut:

(a) pertuduhan utama:

> Bahawa kamu, pada bulan September 2016, di pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu, dalam Daerah Kuala Terengganu, dalam Negeri Terengganu Darul Iman sebagai ejen Kerajaan Malaysia, dengan disedari telah menggunakan dengan niat untuk pemerdayakan prinsipal kamu suatu dokumen iaitu Tuntutan Resit pembelian lkan Kerapu pada 17 September 2016 yang mana prinsipal kamu iaitu Rahana binti Embong, kerani Akaun Lembaga Pertubuhan Peladang mempunyai kepentingan mengenainya dan mengandungi butiran matan yang palsu iaitu mengenai pembelian lkan Kerapu Hybrid sebanyak 14 ekor yang bernilai RM600.00 yang mana pembelian itu hanya dibayar sebanyak RM300.00 sahaja, yang pada pengetahuan kamu adalah dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Undang-Undang Malaysia Akta 694) dan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.

(b) pertuduhan pilihan:

> Bahawa kamu, pada bulan September 2016, di pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu, dalam Daerah Kuala Terengganu, dalam Negeri Terengganu Darul Iman dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu satu resit bertarikh 17 September 2016 bagi pembelian lkan Kerapu Hibrid berjumlah RM600.00 yang mana kamu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama.

[2] Perayu tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan tersebut dan memohon untuk dibicarakan.

[3] Di akhir kes pendakwaan, pada 12 November 2019, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan suatu kes prima facie terhadap perayu dan perayu telah dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan tersebut.

[4] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pada 21 November

2019, pendakwa raya telah memfailkan satu notis rayuan terhadap perintah pembebasan dan pelepasan tersebut.

[5] Pada 30 Jun 2020, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah mengenepikan perintah yang dibuat oleh mahkamah sesyen dan memerintahkan perayu dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan pilihan bagi kesalahan di bawah s 471 Kanun Keseksaan.

[6] Di peringkat pembelaan, perayu memilih untuk memberikan keterangannya secara bersumpah di kandang saksi dan tiada memanggil mana-mana saksi pembelaan yang lain.

[7] Di akhir kes pembelaan, pada 21 March 2021, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati perayu gagal untuk menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan. Perayu didapati bersalah, disabitkan dan dikenakan hukuman denda RM5,000 jika tidak bayar lima bulan pemenjaraan.

[8] Tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut, pada 26 March 2021, pendakwa raya telah memfailkan rayuan terhadap hukuman TA-42(R)(A)-1–04 Tahun 2021 di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu.

[9] Tidak berpuas hati dengan sabitan tersebut, pada 28 March 2021, perayu pula telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman (TA-42(R)(A)-2–04 Tahun 2021) di Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu.

[10] Pada 11 Mei 2022, kedua-dua rayuan berasingan tersebut telah didengar secara bersama di Mahkamah Tinggi.

[11] Di akhir penghujahan kedua-dua pihak, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah memutuskan seperti yang berikut:

(a) Rayuan Jenayah No TA-42(R)(A)-1–04 Tahun 2021 terhadap hukuman yang difailkan oleh pendakwa raya dibenarkan. Perintah hukuman hakim Mahkamah Sesyen diketepikan dan dipinda kepada hukuman pemenjaraan selama satu minggu bermula daripada tarikh jatuh hukum (11 Mei 2022) dan denda RM10,000 jika gagal bayar sembilan bulan pemenjaraan; dan

(b) Rayuan Jenayah No TA-42(R)(A)-2–04 Tahun 2021 terhadap sabitan dan hukuman yang difailkan oleh perayu ditolak.

[12] Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan dua notis rayuan yang berasingan masing-masing bertarikh 22 Mei 2022 terhadap sabitan dan hukuman di Mahkamah Rayuan.

[13] Bagi memudahkan rujukan, memandangkan kedua-duanya rayuan perayu ini mempunyai persamaan yang erat maka hanya satu alasan penghakiman sahaja yang disediakan oleh kami.

FAKTA KES PENDAKWAN

[14] Pada 4 November 1985, perayu telah dilantik sebagai penolong pegawai khidmat peladang oleh Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu. Tempoh perkhidmatan perayu berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

[15] Pada 1 Januari 2015, perayu telah dilantik pula sebagai Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu sehingga perayu dituduh di mahkamah sesyen.

[16] Bidang tugas perayu sebagai pengurus besar adalah seperti yang berikut:

(a) memantau pelaksanaan, menyelaras dan menilai program perkhidmatan utama Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dalam bidang agro;

(b) memantau perlaksanaan, menyelaras dan menilai operasi Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu;

(c) membantu penyediaan pelan perancangan dan pembangunan perniagaan Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu;

(d) membantu pengurusan kewangan dan fizikal dan menilai impak projek pembangunan;

(e) meningkatkan perkhidmatan kejenteraan ladang yang diperlukan oleh petani yang boleh memberi impak ekonomi dan sosial yang tinggi serta perkhidmatan terbaik kepada semua pihak; dan

(f) merancang dan melaksanakan program pemulihan ladang dengan baik, teguh dan berdaya saing serta dapat membekalkan buah-buahan yang bermutu tinggi.

[17] Pada 5 September 2016, perayu telah mempengerusikan satu mesyuarat pengurusan ('eksh P11') berkaitan persediaan dan pembahagian tugas untuk mesyuarat Agong Tahunan kali ke-42 yang akan diadakan pada 17 September 2016.

[18] Di dalam mesyuarat tersebut, perayu telah mengarahkan ketua unit operasi iaitu Muhammad Fauzi bin Alias ('SP4') untuk mengambil ikan kerapu hybrid di Pusat Pembenihan dan Asuhan Ikan Marin, Kg Air Tawar Di Kg Demong, Besut, Terengganu. Ikan-ikan tersebut diambil bertujuan untuk

diberikan sebagai cenderahati kepada orang-orang kenaman ('VIP') yang akan hadir nanti.

[19] Mengikut SP4, beliau telah berjumpa dengan perayu bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung nombor telefon pengurus ikan kerapu dan alamat tempat mengambil ikan tersebut. SP4 turut bertanya kepada perayu mengenai bayaran yang harus dibayar bagi pengambilan ikan-ikan tersebut, namun perayu mengatakan bahawa SP4 hanya perlu mengambil sahaja ikan tersebut tanpa perlu membuat apa-apa bayaran.

[20] Pada pagi 17 September 2016, sebelum mesyuarat bermula, SP4 bersama tiga pegawai Pertubuhan Peladang yang lain telah pergi mengambil ikan kerapu tersebut darpada penternak ikan marin iaitu Tuan Fakaruddin bin Tuan Kadir ('SP2').

[21] SP2 bersama isterinya Zunainaa bt Abdul Majid ('SP3') merupakan pengusaha ikan kerapu yang didaftarkan di atas nama Perniagaan Zunainaa Abdul Majid yang terletak di Tanjung Demong, Besut, Terengganu. SP3 mengesahkan bahawa beliau telah dihubungi melalui telefon oleh seorang pegawai Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu berhubung tempahan ikan kerapu sebanyak 20 ekor sebagai cenderahati kepada VIP di dalam program Pertubuhan Peladang tersebut.

[22] Lebih kurang seminggu selepas SP3 menerima panggilan telefon tersebut, sekali lagi SP3 telah dihubungi melalui telefon oleh pegawai Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu yang mengesahkan mahu membeli sebanyak 14 ekor ikan kerapu hybrid sahaja. Namun begitu, SP2 tetap menyediakan 20 ekor sebagaimana tempahan asal kerana SP2 berniat hendak memberikan secara percuma sahaja ikan-ikan tersebut kepada Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu.

[23] Pada 17 September 2016, menurut SP2 semasa berada di pusat pembenihan ikan, beliau telah didatangi oleh tiga individu yang menaiki Ford Ranger berwarna hijau. Salah seorang daripada mereka memperkenalkan diri sebagai wakil Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan kedatangan mereka adalah untuk mengambil ikan yang telah ditempah oleh pegawai atasan mereka. SP2 menyerahkan tujuh bekas polisterin berisi 20 ekor ikan kerapu tersebut kepada mereka. Setelah meletakkan kesemua bekas polisterin tersebut ke dalam kenderaan, mereka pun terus beredar. SP2 sahkan tiada pembayaran dibuat ketika mereka mengambil ikan-ikan tersebut.

[24] Lebih kurang tiga ke empat hari selepas itu, semasa SP2 berada di pusat pembenihan ikan, SP2 didatangi oleh seorang individu yang tidak kenalinya. Individu tersebut memperkenalkan diri sebagai Haji dan daripada Pertubuhan

Peladang Negeri Terengganu (kemudiannya dicamkan sebagai perayu). Tujuan kedatangan perayu adalah untuk membuat bayaran bagi 20 ekor ikan kerapu, bekas polisterin dan ais yang dipesan sebelum ini. SP2 memaklumkan kepada perayu bahawa SP2 telah berniat untuk memberikan ikan dan barangan tersebut secara percuma sahaja kepada pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu. Malah mengikut SP2 lagi sebelum ini pun banyak pejabat kerajaan yang datang untuk membeli ikan tersebut tetapi SP2 memberikannya secara percuma sahaja. Namun begitu perayu tetap berkeras untuk membuat bayaran dan perayu terus memasukkan sejumlah wang ke dalam poket baju melayu yang dipakai oleh SP2 ketika itu lalu perayu pun berlalu pergi dari tempat itu.

[25] Setelah pulang ke rumahnya, SP2 pun mengira wang tersebut dan mendapati ianya berjumlah RM300. Menurut SP2 harga bagi 20 ekor ikan kerapu tersebut dianggarkan sekitar RM700, bagi bekas polisterin RM72, bagi ais RM10. Keseluruhan harga kos adalah di dalam lingkungan RM782. SP2 mengesahkan beliau tidak ada mengeluarkan sebarang resit pembelian kepada perayu mahupun kepada Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu atas urusan tersebut kerana sejak dari awal lagi SP2 memang berniat untuk memberikan ikan-ikan tersebut secara percuma sahaja.

[26] Puan Rahana bt Embong ('SP7') selaku kerani akaun di Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu menyatakan bahawa beliau telah menerima satu resit bertarikh 17 September 2016 daripada Zunainaa Usahawan Pertubuhan Peladang Kawasan Gerai Kerapu bernilai RM600 (eksh P8) daripada perayu.

[27] SP7 mengesahkan pada resit eksh P8 tersebut terdapat tandatangan perayu. SP7 mengenali tandatangan dan tulisan perayu setelah lama bekerja di bawah pengurusan dan selian perayu. SP7 juga mengesahkan pada eksh P8 terdapat tulisan tangan perayu bertulis 'goodies untuk VVIP mesyuarat Agong PPNT pada 17/9/2016'.

[28] Setelah perayu membuat pengesahan melalui tulisan dan tandatangannya pada eksh P8 tersebut, SP7 kemudiannya telah memproses bayaran bagi resit tersebut dengan menyediakan *general payment voucher* iaitu eksh P16. Ekshibit P16 disahkan dan diperiksa oleh Puan Mazila bt Mansor ('SP8') selaku Pengurus Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan Puan Haziroh bt Mohd Ayob ('SP9') selaku penolong akauntan di pertubuhan peladang tersebut.

[29] Setelah baucar bayaran ini telah siap mendapat pengesahan dan kelulusan, SP7 telah menyerahkan wang tunai sebanyak RM967 dan jumlah ini termasuk RM600 bagi tuntutan ikan kerapu kepada perayu di biliknya pada 29 September 2016.

Pembelaan perayu

(a) perayu banyak membawa masuk projek besar ke dalam Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu termasuklah projek kambing biri-biri dopper;

(b) pada bulan April 2017, semasa perayu sedang bermesyuarat di Melaka, Unit Intergriti Lembaga Pertubuhan Peladang telah datang ke Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan telah mengambil seberkas baucar-baucar bayaran di pejabat tersebut termasuklah baucar bayaran milik perayu sendiri;

(c) perayu ada bertanya kepada pegawai intergriti sekiranya terdapat sebarang permasalahan. Namun pegawai tersebut menyatakan tiada apa-apa yang perlu dirisaukan;

(d) pada bulan Mei dan Jun 2017, semasa bermesyuarat di Kuala Lumpur, perayu telah berjumpa dengan Pengarah Unit intergriti, Encik Salleh Kabul. Beliau memaklumkan kepada perayu bahawa tiada apa-apa yang perayu perlu dibimbangkan;

(e) semasa mesyuarat kakitangan Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu berkaitan persediaan Mesyuarat Agong Lembaga Pertubuhan Peladang, perayu telah mengarahkan Muhammad Fauzi bin Alias ('SP4') untuk menguruskan pengambilan ikan kerapu hybrid di Tanjung Demong;

(f) perayu telah mengarahkan SP4 untuk membuat bayaran semasa mengambil ikan kerapu hybrid tersebut, tetapi SP4 tidak berbuat demikian;

(g) semasa dalam perjalanan balik ke Kota Bharu, perayu telah singgah di rumah Tuan Fakaruddin bin Tuan Kadir ('SP2') dan membuat bayaran sebanyak RM600 bagi ikan kerapu hybrid tersebut. Walau bagaimanapun, perayu tidak ingat sama ada SP2 ada mengeluarkan resit bayaran atau tidak kepada perayu pada malam itu;

(h) perayu terlupa resit eksh P8 ini diterima daripada siapa. Perayu mengesahkan tulisan dan tandatangan yang terdapat pada eksh P8 tersebut adalah miliknya;

(i) perayu perlu menandatangani resit eksh P8 ini kerana ianya tidak bercetak. Perayu menulis di atas resit itu untuk memberi penjelasan kepada semua kakitangan Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan pegawai terlibat serta bagi tujuan koding perbelanjaan Mesyuarat Agong;

(j) perayu menulis pada eksh P8 kerana kebetulan mempunyai kelapangan dan bagi memudahkan pegawai akaun untuk memasukkan koding perbelanjaan Mesyuarat Agong;

(k) bagi resit-resit lain, sama ada perayu akan menurunkan tulisan tangannya

ataupun tidak ia bergantung kepada kelapangan perayu;

(l) jika eksh P8 ini palsu, sepatutnya Puan Mazila bt Mansor ('SP8') dan Puan Haziroh bt Mohd Ayob ('SP9') memberitahu perayu namun tiada apa-apa masalah pun yang timbul berkenaan resit tersebut. Semasa juruaudit dalaman Lembaga Pertubuhan Peladang membuat semakan, tiada juga apa-apa masalah yang berbangkit. Oleh itu resit eksh P8 tersebut adalah sah;

(m) perayu mengesahkan ada menerima bayaran sebagaimana eksh P16;

(n) pada 4 Oktober 2016, Puan Haziroh bt Mohd Ayob ('SP9') ada tandatangan pada eksh P16. Jika SP9 tidak bersetuju, baucar ini boleh saja di *reverse* balik oleh SP9; dan

(o) pertuduhan yang dibuat terhadap perayu adalah semata-mata untuk mengenakannya.

Peruntukan undang-undang yang berkaitan

(a) s 471 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

471 Using as genuine a forged document

Whoever fraudulently or dishonestly uses as genuine any document which he knows or has reason to believe to be a forged document, shall be punished in the same manner as if he had forged such document.

(b) s 464 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

464 Making a false document

A person is said to make a false document —

(a) who dishonestly or fraudulently makes, signs, seals or executes a document or part of a document, or makes any mark denoting the execution of a document, with the intention of causing it to be believed that such document or part of a document was made, signed, sealed or executed by, or by the authority of a person by whom or by whose authority he knows that it was not made, signed, sealed or executed, or at a time at which he knows that it was not made, signed, sealed or executed;

(b) who without lawful authority, dishonestly or fraudulently, by cancellation or otherwise, alters a document in any material part thereof, after it has been made or executed either by himself for by any other person, whether such person be living or dead at the time of such alteration; or

(c) who dishonestly or fraudulently causes any person to sign, seal, execute or alter a document, knowing that such person by reason of unsoundness of mind or intoxication cannot, or that by reason of deception practised upon him he does not, know the contents of the document or the nature of the alteration.

(c) s 465 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

465 Punishment for forgery

Whoever commits forgery shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both.

(d) s 24 Kanun Keseksaan mendefinisikan 'dishonestly' seperti yang berikut:

24 'Dishonestly'

Whoever does anything with the intention of causing wrongful gain to one person, or wrongful loss to another person, irrespective of whether the act causes actual wrongful loss or gain, is said to do that thing 'dishonestly'.

Explanation — In relation to the offence of criminal misappropriation or criminal breach of trust it is immaterial whether there was an intention to defraud or to deceive any person.

DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI

[30] Di antara alasan penghakiman hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana (kandungan 6 rekod rayuan Jld 1 di ms 7–24) adalah seperti yang berikut:

13. Mahkamah dapati isu utama dalam kes ini ialah berkait dengan dokumen P8 iaitu satu resit palsu yang telah dibuktikan digunakan oleh tertuduh sebagai tulen dan dengan curang membuat tuntutan kepada pihak kewangan dan telah pun mendapat bayaran, P19 dan dia ada sebab untuk percaya P8 adalah resit yang palsu.

14. Hakim bicara di sub-perenggan 20 perenggan 30 telah memutuskan tertuduh dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu satu resit bertarikh 17 September 2016 bagi pembelian ikan kerapu hybrid bernilai RM600 yang mana beliau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

15. Mahkamah setuju dengan dapatan hakim bicara kerana tertuduh sendiri mengesahkan kewujudan P8 dan dia ada menandatanganinya. P8 diserahkan sendiri oleh tertuduh ke bahagian kewangan untuk membuat tuntutan. SP2 dan SP3 mengesahkan P8 tidak dikeluarkan oleh mereka. Baucar bayaran untuk kelulusan ditandatangani oleh tertuduh sebagai ketua jabatan dan dia juga yang menandatangani akuan penerimaan wang berjumlah RM600.

16. Hakim bicara juga di sub-perenggan 18 perenggan 30 ms 100 memberikan sebab-sebab kenapa beliau tidak percaya dengan keterangan tertuduh berkaitan P8.

17. Kredibiliti saksi adalah pertimbangan utama kepada hakim bicara dan bukan hakim Rayuan. Mahkamah dapati tidak ada kesilapan hakim bicara semasa membuat dapatan tersebut.

18. ... mahkamah setuju dengan penghujahan pihak responden bahawa tertuduh tidak diprejudiskan apabila hakim bicara tidak membenarkan untuk memanggil saksi pembelaan iaitu Dato Abdul Halim bin Awang, Ahli Jemaah Pengarah PPNT (PPNT) kerana tertuduh tidak pernah menimbulkan pembelaan, Dato Abdul Halim boleh mengesahkan P8 sebagai tulen dan PPNT juga telah diterima sebagai tulen. Pada pendapat mahkamah berdasarkan keterangan SP2, SP3 dan keterangan

saksi-saksi pendakwaan yang lain kehadiran saksi ini tidak akan mematahkan fakta bahawa P8 adalah resit yang palsu.

19. ... mahkamah berpendapat ianya tidak bermerit kerana SP2 dan SP3 telah mengesahkan mereka tidak pada bila-bila masa mengeluarkan P8 dan resit perniagaaan milik mereka adalah berbeza dengan P8. Ujian forensik tidak perlu dibuat kerana SP2 dan SP telah mengesahkan mereka tidak mengeluarkan resit tersebut.

20. Mahkamah bersetuju dengan penghujahan TPR bahawa kesalahan di bawah s 471 KK adalah suatu kesalahan yang serius setelah mengambil kira pelakunya adalah seorang penjawat awam. Tambahan pula beliau berjawatan sebagai pengurus besar di dalam organisasinya. Sepatutnya sebagai seorang ketua jabatan beliau sepatutnya menjadi contoh terbaik kepada anak buahnya. Sebagai seorang yang diberi kuasa untuk meluluskan tuntutan tertuduh telah tidak menjaga amanah itu dengan jujur dan telah menyalahgunakan kuasa tersebut.

21. Atas prinsip kepentingan awam mahkamah berpendapat hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah terlalu ringan dan tidak mencukupi. Hukuman yang berpatutan ialah satu minggu penjara berkuatkuasa dari tarikh 11 Mei 2022 dan denda RM10,000 jika gagal sembilan bulan penjara.

22. Berdasarkan di atas mahkamah dapati tidak ada kekhilafan dari segi fakta dan undang-undang terhadap sabitan tertuduh kerana kesemua elemen di bawah s 471 KK telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

23. Hukuman yang berpatutan perlu dijatuhkan ke atas tertuduh kerana beliau adalah seorang penjawat awam dan berjawatan tinggi.

24. Oleh itu rayuan terhadap sabitan ditolak. Perintah sabitan oleh hakim bicara dikekalkan. Rayuan pendakwa raya terhadap hukuman dibenarkan.

PENGHUJAHAN UTAMA PERAYU

(a) pertuduhan pilihan terhadap perayu adalah cacat dan tidak sah kerana tidak dinyatakan secara spesifik bilakah tarikh kesalahan tersebut dikatakan telah dilakukan;

(b) pertuduhan pilihan tersebut juga adalah tidak sah disebabkan oleh kegagalan pendakwa raya mengemukakan izin mendakwa semasa mengemukakan pertuduhan pilihan tersebut;

(c) Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen gagal mengarahkan minda mereka kepada keperluan pembuktian setiap inti pati-inti pati pertuduhan pilihan di dalam alasan penghakiman mereka; dan

(d) Mahkamah Tinggi dan mahkamah sesyen gagal untuk membuat penilaian kehakiman terhadap pembelaan yang dikemukakan oleh perayu bagi pertuduhan pilihan ini.

A PRINSIP UNDANG-UNDANG BERKAITAN DAPATAN FAKTA DI PERINGKAT RAYUAN

[31] Di dalam kes *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; [1969] MLRA 382, Ong Hock Thye CJ (beliau pada ketika itu) menjelaskan seperti berikut:

> An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.

[32] Di dalam kes *Nor Azlina bt Abdul Aziz v Expert Project Management Sdn Bhd* [2017] 3 MLJ 763; [2017] 5 CLJ 58, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Harmindar Singh Dhaliwal HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

> [20] Nevertheless there are occasions when appellate interference is warranted and these occasions have been well set out in numerous cases. Some of these occasions are:
>
> (a) where the trial judge took into account irrelevant considerations and failed to give due weight to relevant considerations (see *Director of Forests & Anor v Mau Kam Tong & Mau Kim Siong (the executors of the estate of Mau Ming, deceased) & Anor and another appeal* [2010] 3 MLJ 509; [2010] 3 CLJ 377);
>
> (b) where there was no proper evaluation of the evidence by the trial judge (see *Lee Nyan Hon & Bros Sdn Bhd v Metro Charm Sdn Bhd* [2009] 6 MLJ 1; [2009] 6 CLJ 626);
>
> (c) where the decision arrived at by the trial court was without judicial appreciation of the evidence (see *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1; [2004] 4 CLJ 309);
>
> (d) where a trial court has so fundamentally misdirected itself, that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions, would have arrived at the same conclusion (see *Raja Lob Sharuddin bin Raja Ahmad Terzali & Ors v Sri Seltra Sendirian Bhd* [2008] 2 MLJ 87; [2008] 2 CLJ 284);
>
> (e) where the trial judge was plainly wrong in arriving at his decision (see *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97; [2003] 2 CLJ 19);
>
> (f) where a trial judge had so manifestly failed to derive proper benefit from the undoubted advantage of seeing and hearing witnesses at the trial, and in reaching his conclusion, has not properly analysed the entirety of the evidence which was given before him (see *First Count Sdn Bhd v Wang Yew Logging & Plantation Sdn Bhd* [2013] 4 MLJ 693; [2013] CLJU 625; [2013] 1 LNS 625 which followed the Privy Council case of *Choo Kok Bang v Choo Kok Hoe & Ors* [1984] 2 MLJ 165; [1984] CLJU

40; [1984] 1 LNS 40); and

(g) where the judgment is based upon a wrong premise of fact or of law (see *Perembun (M) Sdn Bhd v Conlay Construction Sdn Bhd* [2012] 4 MLJ 149; [2012] CLJU 1416; [2012] 1 LNS 1416).

DAPATAN KAMI

[33] Peguam perayu yang bijaksana membangkitkan isu bahawa pertuduhan pilihan adalah dikatakan cacat dan tidak sah kerana pertuduhan pilihan tersebut tidak menyatakan secara spesifik bilakah tarikh kesalahan tersebut dilakukan. Tarikh di dalam pertuduhan pilihan hanya dinyatakan secara umum sahaja iaitu pada bulan September 2016.

[34] Peguam perayu yang bijaksana membangkitkan hujah bahawa s 153 Kanun Tatacara Jenayah menyatakan perihal pentingnya butiran pertuduhan disebut dengan jelas dan terperinci sepertimana kehendak peruntukan seksyen ini yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> ... Pertuduhan itu hendaklah mengandungi butir-butir berkenaan dengan masa dan tempat berlakunya kesalahan itu, demikian juga orang, jika ada, yang bersabit kepada kesalahan atau barang yang terhadapnya kesalahan itu dilakukan yang mencukupi bagi memberitahu tertuduh berkenaan dengan perkara yang ia dituduh ...

[35] Dihujahkan juga bahawa kegagalan pihak pendakwaan menyebut secara spesifik tarikh kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh perayu telah memprejudis serta menjejaskan hak perayu untuk menyediakan pembelaan yang secukupnya bagi mematahkan pertuduhan pilihan tersebut. Tambahan lagi, pertuduhan pilihan ini hanya dikemukakan selepas SP9 selesai memberi keterangannya dan keterangan SP2 dan SP3 semasa disoal balas oleh peguambela pula langsung tidak menjurus kepada penafian atau cabaran kepada eksh P8 yang menjadi inti pati penting pertuduhan pilihan ini.

[36] Bagi mengupas isu pertama yang dibangkitkan ini adalah penting bagi kami mempamerkan kandungan eksh P8 bagi kemudahan kesemua pihak-pihak:

M/S Peladang Negeri Terengganu.

DATE / TARIKH : 17/9/2016.

1					
2	Ikan Kerapu Hibrid.	14 ekor (11.3kg)		691	00
3		Ekor 18.2kg.			
4					
5					
6					
7				(91	00)
8					
9					
10	KERAPU.				
11					
12					
13				600	00

Received by / Diterima oleh / 收货人

Signature / Tandatangan / 经手人

[37] Pada eksh P8 ini, tarikh resit yang dinyatakan adalah 17 September 2016. Persoalan yang ditimbulkan adalah memandangkan pada resit tersebut ada tercatat tarikh yang spesifik bagi pembelian ikan kerabu hibrid sebanyak 14 ekor dengan jumlah bayaran sebanyak RM600 mengapa pula tarikh spesifik ini tidak disebutkan sahaja di dalam pertuduhan pilihan ini tetapi sebaliknya pihak pendakwaan hanya meletakkan tarikh kesalahan sebagai 'September 2016' secara umum sahaja.

[38] Pada hemat kami, terdapat asas kukuh mengapa tarikh kesalahan secara spesifik ini tidak diletakkan oleh pihak pendakwaan di dalam pertuduhan pilihan ini.

[39] SP2 dan SP3 di dalam keterangan mereka menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengeluarkan apa-apa resit kepada Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu bagi pembekalan ikan-ikan kerapu tersebut. Ini adalah kerana menurut SP2, ikan-ikan tersebut dari awal lagi hendak diberikan olehnya secara percuma kepada pertubuhan peladang tersebut. SP4 (Muhammad Fauzi bin Alias) yang bertugas sebagai Ketua Unit Operasi Pertubuhan Peladang tersebut juga telah di tugaskan oleh perayu untuk mengambil sahaja ikan-ikan

tersebut tanpa perlu membuat apa-apa pembayaran. A

[40] SP4 di dalam keterangannya (kandungan 8 rekod rayuan Jld 3(1) semasa sesi *pemeriksaan utama* mengatakan seperti yang berikut:

> Berhubung kes pada pada hari ini, berkenaan dengan pengambilan ikan di Pusat Pembenihan Dan Asuhan Ikan Marin, Kg Air Tawar Di Kg Demong, Besut, Terengganu. Sebelum saya mengambil Ikan Kerapu itu mesyuarat persediaan telah diadakan, seingat saya pada awal bulan 9 2016. Mesyuarat ini adalah berkaitan persediaan dan pembahagian tugas untuk Mesyuarat Agong Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu yang akan diadakan pada 17/9/2016. Saya ditugaskan sebagai ketua oleh Pengurus Besar PPNT iaitu En Che Sa'adon untuk mengambil Ikan Kerapu Hibrid di Pusat Pembenihan Dan Asuhan Ikan Marin, Kg Air Tawar Di Kg Demong, Besut, Terengganu. Ikan tersebut diambil untuk memberi cenderahati kepada pihak VIP yang akan hadir nanti. Memandangkan pada tahun 2016 tersebut, saya mash bertugas di Pejabat Pertubuhan Peladang Jentera di Besut, saya tidak mempunyai masalah untuk menjalankan tugasan yang diberikan oleh En Che Saadon. Ini kerana, tempat mengambil ikan tersebut merupakan tempat yang berada di dalam perjalanan dari pejabat saya ke Pejabat PPNT. B C D
>
> Saksi dirujuk Lampiran JK Mesyuarat Agong Tahunan Ke 42/16 Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu. E
>
> Saya tidak pernah melihat dokumen ini. Tetapi saya sahkan bahawa saya hadir ke mesyuarat persediaan untuk Mesyuarat Agung PPNT ke 42/2016 ini. Semasa pembahagian tugasan tersebut, pengurus besar iaitu En Che Saadon, bertanyakan tentang siapa yang boleh menjalankan tugas mengambil ikan di Besut. Kemudian ada ahli mesyuarat yang mencadangkan nama saya. Pengerusi Mesyuarat iaitu Che Saadon bersetuju dengan cadangan tersebut dan saya ditugaskan untuk mengambil ikan-ikan tersebut di Besut. F
>
> Selepas mesyuarat saya berjumpa dengan En Che Sa'adon untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas lagi seperti no telefon pengurus Ikan Kerapu dan juga alamat tempat untuk mengambil ikan. Saya juga bertanya mengenai bayaran dan En Che Sa'adon mengatakan kepada saya bahawa saya hanya perlu mengambilkan tersebut tanpa membuat apa-apa bayaran. G
>
> Sehari sebelum saya mengambil ikan tersebut pada 16/09/2016, saya menelefon dahulu pengurus Ikan Kerapu yang bernama Puan Zunainaa untuk memaklumkan bahawa saya daripada PPNT akan mengambil ikan berkenaan pada awal pagi esok. Namun beliau serahkan telefon tersebut kepada suaminya. Saya telah bercakap dengan suami beliau dan memaklumkan bahawa saya akan datang mengambil ikan sekitar jam 8.00 pagi esok hari. H
>
> Pada hari tersebut pada 17/09/2017 seingat saya pada pukul 7.00 pagi hingga ke 8.00 pagi saya telah pergi dengan tiga orang pekerja lain iaitu Encik Aziz Bin Mohamad, Encik Abdul Aziz Bin Wahab dan Puan Nik Zainab di Pusat Pembenihan Dan Asuhan Ikan Marin, Kg Air Tawar Di Kg Demong, Besut, Terengganu dengan menaiki kenderaan pejabat jenis Ford Ranger. Semasa kami sampai ke tempat ikan tersebut hanya saya, Encik Aziz dan Encik Abdul Aziz sahaja yang turun dan kami disambut dengan dua orang lelaki yang tidak dikenali dan saya I

menganggap lelaki tersebut ialah suami Puan Zunaina dan pekerja beliau. Semasa kami sampai barang-barang telah siap di isi didalam kotak polister dan kami terus masukan kedalam kenderaan kami untuk dibawa ke Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu di Wisma Pertubuhan Peladang, Jalan Sultan Muhamad Negeri Terengganu. Selepas mengangkut ikan tersebut kami terus bergerak ke Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan semasa mengambil ikan tersebut tiada perbualan mengenai bayaran berlaku hanya perbualan biasa sahaja kerana kami kesuntukan masa. Saya tidak pasti jumlah ikan yang berada di dalam kotak-kotak polister tersebut kerana saya tidak membukanya. Ada lebih kurang 7 ke 8 kotak polister yang mengandungi ikan dibawa masuk ke dalam kenderaan.

Sampai sahaja di Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dalam pukul 9.30 pagi, saya terus meletakkan ikan tersebut di laluan jalan kaki di tingkat bawah pejabat. Selepas itu saya diberikan arahan baru daripada Encik Che Sa'adon untuk menambah Ikan Talapia ke dalam bekas polister Ikan Kerapu tersebut dengan niat menambah cenderahati kepada VIP. Ikan tilapia ini adalah sumbangan daripada PPK Kuala Berang. Ketika memasukkan ikan-ikan tilapia di dalam kotak-kotak polisterin tersebut, saya melihat ada lebih kurang dua ekor ikan kerapu di dalam satu-satu kotak polisterin.

S: Kamu sahkan tiada sebarang bayaran dibuat?

J: Ya.

[41] Memandangkan tiada apa-apa bayaran yang telah dibuat oleh SP4 ketika mengambil ikan-ikan tersebut dan tiada juga resit pembelian yang dikeluarkan oleh SP2 atau SP3, maka sudah terang lagi bersuluh bahawa perayu telah menggunakan resit palsu (eksh P8) sebagai tulen untuk menuntut pembayaran sebanyak RM600 daripada organisasinya. Ekshibit P8 itu juga telah dirujuk kepada SP3 dan SP3 mengesahkan terdapat namanya di dalam eksh P8 namun beliau tidak pernah melihat dokumen tersebut. Malahan tandatangan di dalam eksh P8 juga bukan tandatangan miliknya. SP3 sahkan bahawa beliau dan SP2 tidak pernah mengeluarkan resit dalam bentuk eksh P8 kerana perniagaannya mempunyai resit sendiri sebagaimana eksh P5.

[42] Seharusnya ditekankan di sini bahawa fakta bahawa eksh P8 bukanlah resit milik SP2 dan SP3 tidak pernah dicabar oleh pihak pembelaan semasa di peringkat pemeriksaan balas. Malah pihak pembelaan sendiri turut mengesahkan bahawa tiada resit yang dikeluarkan oleh SP2 kepada perayu pada malam perayu secara peribadi pergi menemui SP2. Fakta dan keterangan ini kekal berdiri teguh sehingga berakhirnya kes pembelaan.

[43] Encik Tarmuzi bin Abdullah (SP10) yang bertugas sebagai Timbalan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan Gerai bertanggungjawab menguruskan hal ehwal aktiviti ahli berdaftar pertubuhan tersebut. SP10 juga terlibat di dalam melahirkan usahawan peladang.

[44] SP10 mengesahkan hanya seorang sahaja ahli Pertubuhan Peladang Kawasan Gerai bernama Zunainaa bt Abdul Majid yang mengusahakan projek ikan bersama suaminya Tuan Fakaruddin. SP10 di dalam keterangannya semasa sesi *pemeriksaan utama* (kandungan 8 rekod rayuan Jld 3 (1) di ms 275 mengatakan seperti yang berikut:

> Merujuk kepada perkara di atas saya sahkan dokumen tersebut merupakan Senarai Saham/Ahli Berakhir Pada 31 Disember Tahun 2016. Merujuk kepada dokumen ini (Buku Pertubuhan Peladang Kawasan Gerai 'Senarai Saham/Ahli Berakhir Pada 31 Disember Tahun 2016' ditandakan sebagai Eksibit P26) seramai 4017 ahli yang di daftar dalam PPK Gerai sehingga tahun 2016.
>
> Saya mengesahkan bahawa terdapat seorang Ahli yang bernama Zunainaa Binti Abdul Majid yang didaftar dalam PPK sehingga tahun 2016 dan bernombor ahli 3786. Saya juga mengesahkan hanya sorang sahaja ahli yang bernama Zunainaa Binti Abdul Majid yang didaftarkan dalam senarai nama ahli. Saya juga mengesahkan tiada penama lain yang didaftar atas nama Zunainaa Binti Abdul Majid. Beliau mengusahakan Projek Ikan ini bersama dengan suaminya yang bernama Tuan Fakaruddin. Tuan Fakaruddin juga merupakan ahli bagi PPK Gerai yang bernombor ahli 3785.

[45] Fakta bahawa hanya ada seorang sahaja pengusaha ikan kerapu bernama Zunainaa bt Abdul Majid di pertubuhan peladang kawasan gerai tersebut juga pernah tidak dicabar oleh pihak pembelaan. Dengan itu adalah jelas bahawa 'Zunaina usahawan kerapu' sepertimana catitan yang terdapat di dalam eksh P8 merujuk hanya kepada SP3 sahaja selaku Zunaina usahawan pertubuhan peladang kawasan gerai dan bukannya kepada mana-mana penama yang lain.

[46] Keterangan di atas sudah pun mencukupi untuk membuktikan bahawa eksh P8 adalah palsu. Kami juga tidak nampak di mana wujudnya keperluan untuk pihak pendakwaan menghantar resit eksh P8 untuk pemeriksaan ujian forensik bagi mengesahkan ketulenan eksh P8 (sepertimana dakwaan peguam perayu) kerana keterangan di atas nyata menunjukkan eksh P8 tidak pernah disediakan atau pun dikeluarkan oleh SP2 dan SP3 kepada perayu. Sehubungan dengan ini juga, kami bersependapat dengan dapatan hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana bila beliau di dalam alasan penghakimannya (para 19) menyatakan seperti yang berikut dan kami petik:

> (19) ... mahkamah berpendapat ianya tidak bermerit kerana SP2 dan SP3 telah mengesahkan mereka tidak pada bila-bila masa mengeluarkan P8 dan resit perniagaaan milik mereka adalah berbeda dengan P8. Ujian forensik tidak perlu dibuat kerana SP2 dan SP telah mengesahkan mereka tidak mengeluarkan resit tersebut.

[47] Selanjutnya perayu telah menggunakan eksh P8 palsu tersebut sebagai tulen meskipun perayu mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa eksh P8

tersebut adalah resit yang palsu. Maksud perkataan 'sebab mempercayai' ada dijelaskan di dalam s 26 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> 26 Reason to believe
>
> A person is said to have 'reason to believe' a thing, if he has sufficient cause to believe that thing, but not otherwise.

[48] Seterusnya, eksh P8 mengandungi tandatangan pengesahan oleh perayu dan juga mempunyai catitan tulisan tangan milik perayu sendiri bagi meluluskan tuntutannya sendiri. Menurut SP7 lagi, berdasarkan eksh P8 tersebut serta kelulusan bayaran yang ditandatangani sendiri oleh perayu maka bayaran cenderahati VVIP berjumlah RM600 telah dibayar secara tunai kepada perayu oleh SP7 pada 29 September 2016 sepertimana eksh P16 ('General Payment Voucher').

[49] Catitan pada buku wang tunai harian bertarikh 29 September 2016 ('eksh P19') mengesahkan pembayaran tersebut telah dibuat kepada perayu meskipun perayu telah pun sedia mengetahui ketidaksahihan eksh P8 tersebut. SP8 (Mazila bt Mansor) yang bertugas sebagai pengurus bahagian sumber manusia dan pentadbiran di Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu dan SP9 yang bertugas sebagai penolong akauntan di Pertubuhan Peladang turut menyokong keterangan pihak pendakwaan bahawa perayu telah menuntut wang berjumlah RM600 sebagaimana resit P8 yang dikemukakan. Berdasarkan pengesahan yang dibuat oleh perayu pada eksh P8 tersebut, maka SP8 dan SP9 pun menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada eksh P16.

[50] Ternyata perayu telah menggunakan resit eksh P8 tersebut secara curang. Bagi membuktikan inti pati curang ini, kami ingin membawa perhatian kepada s 24 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> Whoever does anything with the intention of causing wrongful gain to one person, or wrongful loss to another person, irrespective of whether the act causes actual wrongful loss or gain, is said to do that thing.
>
> 'dishonestly'.
>
> Maksud 'wrongful gain' dan 'wrongful loss' dijelaskan dalam seksyen 23 Kanun Keseksaan seperti yang berikut iaitu:
>
> > 'wrongful gain' is gain by unlawful means of property to which the person gaining is not legally entitled.
> >
> > 'wrongful loss' is the loss by unlawful means of property to which the person losing it is legally entitled.

[51] Seperti yang telah kami nyatakan di atas, selepas eksh P16 disemak, disahkan dan diluluskan, SP7 kemudiannya telah menyerahkan wang tunai sebanyak RM600 kepada perayu sebagaimana catitan di dalam buku wang tunai harian eksh P19. Ini membuktikan bahawa hasil daripada pengunaan dokumen palsu tersebut ('eksh P8'), perayu telah mendapat keuntungan salah berbentuk wang tunai berjumlah RM600.

[52] Berbalik semula kepada persoalan yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan mengenai kecacatan pada pertuduhan di mana pihak pendakwaan dikatakan gagal untuk menyatakan dengan tepat bila tarikh sebenar kesalahan itu berlaku, pada hemat kami meskipun tiada keterangan daripada SP7 bilakah tarikh sebenar dokumen *eksh P8 ini digunakan* oleh perayu untuk menuntut bayaran tersebut, namun apa yang pasti adalah ianya berlaku di antara tarikh 17 September 2016 (tarikh resit eksh P8) sehingga tarikh pembayaran dibuat oleh SP7 kepada perayu pada 29 September 2016 (eksh P19). Di atas dasar itulah pihak pendakwaan meletakkan tarikh umum sahaja iaitu bulan September 2016 di dalam pertuduhan mereka. Kami tidak nampak dimana wujudnya kepincangan di dalam pertuduhan tersebut. Kami mendapati pertuduhan tersebut adalah jelas dan dan teratur.

[53] Maka dengan itu, isu kecacatan yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan tidak mempunyai merit sama sekali dan sewajarnya ditolak. Malah berdasarkan kepada nota prosiding serta sesi pemeriksaan balas terperinci yang dibuat oleh peguam perayu terhadap saksi-saksi pihak pendakwaan, jelas menunjukkan bahawa pihak pembelaan mengetahui bahawa tarikh pertuduhan terhadap perayu adalah bagi kesalahan yang berlaku pada bulan September tahun 2016 yang tiada menimbulkan sebarang kekeliruan di pihak perayu.

[54] Isu kedua yang dibangkitkan oleh peguam perayu yang bijaksana adalah berkenaan ketiadaan Izin Untuk Mendakwa di bawah s 58 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Undang-Undang Malaysia Akta 694) yang dikeluarkan atau diekshibitkan bagi pertuduhan pilihan ini dan ini menyebabkan pendakwaan terhadap perayu menjadi tidak sah. Bagi kemudahan, kami perturunkan peruntukan s 58 Akta tersebut:

> 58 Pendakwaan kesalahan
>
> Pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

[55] Sewajarnya ditekankan bahawa bagi pertuduhan utama terhadap kesalahan di bawah s 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah s 24 akta yang sama terdapat izin untuk mendakwa bertarikh 23 Januari 2018 yang dikemukakan oleh pihak

pendakwaan. Namun, yang menjadi isu pertikaian adalah ketiadaan izin untuk mendakwa yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan pilihan ini.

[56] Pada hemat kami, bagi pertuduhan pilihan di bawah s 471/465 Kanun Keseksaan, tiada keperluan undang-undang untuk pihak pendakwaan mengemukakan izin untuk mendakwa bagi kesalahan ini.

[57] Namun begitu, jika seandainya kami terkhilaf tentang perkara ini dan keizinan untuk mendakwa diperlukan, ketiadaannya tidak menyebabkan pertuduhan pilihan ini menjadi tidak sah. Ini adalah kerana mengikut cacatan di dalam nota keterangan, ketika pertuduhan pilihan ini dibacakan dan diterangkan kepada perayu di dalam Bahasa Malaysia pada 18 April 2018, pendakwaan kes ini dikendalikan oleh seorang timbalan pendakwa raya iaitu Puan Farah Yasmin bt Salleh sehingga ke akhir perbicaraan kes. Dengan itu telah terdapat keizinan tersirat (*implicit consent*) daripada pendakwa raya kerana timbalan pendakwa raya adalah *alter ego* kepada pendakwa raya. Dengan itu, tiada keperluan untuk izin mendakwa dikemukakan bilamana seorang timbalan pendakwa raya yang diberikan kuasa oleh pendakwa raya di bawah s 376(3) Kanun Tatacara Jenayah hadir mengendalikan perbicaraan kes ini.

[58] Rujukan dibuat kepada kes *Fam Meng Siong & Anor v Public Prosecutor* [2012] 5 MLJ 464; [2012] 7 CLJ 557, di mana Mahkamah Rayuan melalui penghakiman majoriti yang disampaikan oleh Abu Samah Nordin HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> [17] The first issue is on consent of the prosecution to the alternative charge. In our considered view, the trial of the appellants on the alternative charge was not a nullity notwithstanding the absence of a written consent from the DPP. We note that the prosecution at the High Court was conducted by the DPP himself. Under the circumstances consent to the prosecution of all the accused on the alternative charge could be implied: *Tarmizi bin Yacob & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2011] 4 MLJ 1; [2010] 8 CLJ 501, *Garmaz s/o Pakhar & Anor v PP* [1995] 3 SLR(R) 453, *Public Prosecutor v Oie Hee Koi & Associated Appeals* [1968] 1 MLJ 148; [1967] 1 LNS 132.

[59] Selanjutnya, harus juga ditekankan bahawa pertuduhan pilihan ini ditambah oleh pihak pendakwaan sejurus selepas SP9 selesai memberi keterangannya. Namun begitu, peguam perayu yang bijaksana tidak pernah pada bila-bila masa pun memohon untuk memanggil semula saksi-saksi pendakwaan untuk tujuan pemeriksaan balas selepas pertuduhan pilihan tersebut dikemukakan. Adalah menjadi prinsip undang-undang yang teguh bahawa hakim bicara tidak mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan kepada perayu tentang haknya untuk memanggil semula saksi-saksi di bawah

s 162 Kanun Tatacara Jenayah tersebut. Bagi memudahkan rujukan, diperturunkan peruntukan tersebut: A

> 162 Recall of witnesses when charge altered
>
> Whenever a charge is altered or added by the Court after the commencement of the trial the prosecutor and the accused shall be allowed to recall or resummon and examine, with reference to the alteration or addition, any witness who may have been examined, and may also call any further evidence which may be material. B

[60] Sehubungan dengan ini juga, kami ingin membawa perhatian kepada kes *Azhar bin Che Wil v Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 22 di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raus Sharif HMP (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut: C

> The only complaint by Mr Karpal Singh was that had the charge been amended, the accused would have had the opportunity to recall or re-summon and examine any witness and to call further evidence which may be material to his defence. But we are of the view that even without the charge being amended, the first accused is not precluded from recalling or re-summoning any witness or to call for further evidence. Cases have shown that even if a charge is amended, but where an accused person is represented by counsel, the trial judge is not obliged to inform the accused person of his right under s 162 *to recall any of the witnesses for the prosecution. In Moosa Abdul Rahman v The State of Kerala* [1982] Cr LJ 1384, the full bench of the High Court of Kerala held that s 217 of the Indian Criminal Procedure Code 1974 (which is in pari ... does not cast a duty or obligation on the court to enquire of the prosecution or the accused whether they would like to recall or re-summon the witnesses ... or to call any further witnesses. The omission of the court to 'enquire of the prosecution or the accused whether they would like to exercise the right of re-calling or re-summons the witnesses would not result in any procedural illegality. D E F
>
> [31] The above proposition was accepted by the Court of Appeal in *Msimanga Lesaly*. Gopal Sri Ram JCA (as he then was) held that where an accused is represented by counsel it is unnecessary for the court to draw counsel's attention to s 162 of the Criminal Procedure Code or to inquire whether counsel intends to exercise the right conferred by the section. G
>
> [32] We endorsed the above view. In the present case, the first accused was represented by counsel. Even though the charge was not amended, there is nothing to prevent the defence from recalling or re-summoning any witness or to call further evidence. This was not done. Thus, the question of miscarriage of justice, as advanced by Mr Karpal Singh does not arise at all. H

[61] Memandangkan perayu sendiri yang telah memilih untuk tidak memanggil semula saksi-saksi pendakwaan bagi tujuan sambungan pemeriksaan balas, maka kami nampak di mana wujudnya salah laksana keadilan (*miscarriage of justice)* terhadap perayu. I

[62] Lanjutan daripada itu, peguam perayu yang bijaksana menghujahkan

bahawa pertuduhan pilihan di bawah s 471/465 Kanun Keseksaan tersebut telah memprejudis hak perayu secara teruk untuk mendapatkan perbicaraan yang adil sebagaimana diperuntukkan di bawah perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan kerana pertuduhan pilihan telah dikemukakan setelah sembilan orang saksi pendakwaan selesai memberi keterangan. Malah berdasarkan kepada catatan nota keterangan di rekod rayuan Jld 3(1) di ms 273, tiada sebarang permohonan dibuat oleh pihak pendakwaan kepada hakim mahkamah sesyen di bawah s 158 Kanun Tatacara Jenayah untuk mengemukakan pertuduhan pilihan tersebut dan ini jelas bertentangan dengan kehendak peruntukan s 158 tersebut.

[63] Dengan itu dihujahkan bahawa perayu telah dinafikan haknya untuk diberikan peluang membantah terhadap permohonan kemasukan pertuduhan pilihan ini. Pertuduhan alternatif, seperti juga pertuduhan utama, dalam usaha untuk pihak pendakwaan mengemukakannya tanpa campur tangan mahkamah perbicaraan, harus dikemukakan pada permulaan perbicaraan. Pertuduhan alternatif adalah pertuduhan tambahan kepada pertuduhan utama bagi tujuan s 158 dan 159 Kanun Tatacara Jenayah. Sebaik sahaja perbicaraan bermula, apa-apa tambahan kepada pertuduhan utama hanya boleh dilaksanakan dengan perintah hakim perbicaraan menurut s 158 Kanun Tatacara Jenayah. Pihak pendakwaan tidak boleh mengemukakan pertuduhan tambahan sesuka hati. Jika pihak pendakwaan ingin mengemukakan pertuduhan pilihan pada mana-mana peringkat sebaik sahaja perbicaraan telah bermula, ia harus membuat permohonan kepada hakim bicara untuk berbuat demikian di bawah s 158 Kanun Tatacara Jenayah.

[64] Seterusnya, dihujahkan bahawa salah satu keperluan s 159 Kanun Tatacara Jenayah adalah ia sememangnya mandatori untuk mahkamah perbicaraan menyoal tertuduh sama ada tertuduh bersedia untuk diperbicarakan terhadap pertuduhan tambahan ini. Malangnya, ini tidak dilakukan di dalam kes ini. Dengan itu, pertuduhan pilihan ini dikatakan adalah tak sah. Ini telah mencemari kesahihan keseluruhan perbicaraan yang telah menjadi terbatal. Seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah tidak boleh digunakan untuk menyelamatkan kepincangan yang berlaku ini.

[65] Dengan hormatnya, kami tidak bersetuju dengan penghujahan yang dibangkitkan oleh peguam perayu berkenaan isu ini. Pada hemat kami, peruntukan s 158 dan s 159 Kanun Tatacara Jenayah tidak terpakai di dalam kes ini. Ini adalah kerana pertuduhan pilihan ini ditambah sendiri oleh pihak pendakwaan dan bukannya dibuat atas inisiatif mahkamah. Bagi kemudahan s 158 dan 159 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan seperti yang berikut:

158 Court may alter or add to charge

(1) Any Court may alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced. A

(2) Every such alteration or addition shall be read and explained to the accused.

159 When trial may proceed immediately after alteration or addition

If a charge is framed or alteration or addition made under either section 157 or 158, the Court shall immediately call upon the accused to plead thereto and to state whether he is ready to be tried on the charge or altered or added charge. If the accused declares that he is not ready, the Court shall duly consider the reasons he may give and if proceeding immediately with the trial is not likely, in the opinion of the Court, to prejudice the accused in his defence or the prosecutor in the conduct of the case, the Court may, in its discretion, after the charge or alteration or addition has been framed or made, proceed with the trial as if the new or altered or added charge had been the original charge. B C

[66] Pada hemat kami, bukanlah menjadi keperluan undang-undang di bawah Kanun Tatacara Jenayah untuk timbalan pendakwa raya yang bijaksana membuat permohonan kepada mahkamah sebelum pertuduhan pilihan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah selepas perbicaraan bermula. Ianya boleh dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya pada bila-bila masa sahaja sebelum penghakiman dibacakan tanpa perlu untuk memohon kebenaran mahkamah terlebih dahulu. Mengikut nota keterangan, pertuduhan pilihan yang dikemukakan itu telah pun dibacakan dan diterangkan kepada perayu. Perayu memahami kandungan pertuduhan pilihan tersebut. Perayu meminta untuk dibicarakan. Dengan itu, pada hemat kami tiada apa-apa kecacatan yang berlaku di sini. D E F

[67] Rujukan di buat semula kepada kes *Fam Meng Siong & Anor v Public Prosecutor* di mana Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

[18] The notes of proceedings at the High Court showed that the alternative charge was read to all the accused, including the appellants and that they claimed trial to the alternative charge. The appellants were represented by counsel, who did not raise any objection to the alternative charge nor applied to recall any prosecution witnesses pursuant to the introduction of the alternative charge. The court, which had control of the whole proceedings, did not object to the tendering of the alternative tending of the charge. G H

[19] It is within the discretion of the public prosecutor to decide what charges should be preferred in the course of the trial. In *Long Bin Samat & Ors v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 152 at pp 156–158; [1974] 1 LNS 80 at pp 91–92, Suffian LP, after citing s 376 of the CPC said: I

... from this it would appear that the public prosecutor has a discretion as it what charges should be preferred, subject of course to the power of the court to amend charges in the course of trial. That the law intends to give a wide discretion over criminal prosecutions to the public prosecutor appears from other provisions of the Criminal Procedure Code providing that for the prosecution of certain

offence his complaint is required (s 130) and yet for other offences his written sanction (s 120).

[21] The discretionary power of the public prosecutor to prefer an alternative charge before the close of the prosecution case is not a transgression of the power of the court to alter or add a charge at any time before judgment under s 158 of the CPC. In our view the appellants were not in any way prejudiced by the introduction of the alternative charge to which they claimed trial. There is no ground before us to conclude that there was a miscarriage of justice.

[68] Isu terakhir yang dibangkitkan oleh peguam perayu yang bijaksana adalah berhubung kegagalan mahkamah untuk membuat penilaian kehakiman terhadap inti pati pertuduhan dan keterangan pembelaan yang dikemukakan oleh perayu bagi pertuduhan pilihan ini.

[69] Dengan hormatnya kami tidak bersetuju dengan penghujahan peguam perayu ini. Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dizahirkan, mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi telah pun menimbangkan segala inti pati pertuduhan pilihan ini serta pembelaan perayu secara teliti dan memperhalusinya sebelum memutuskan perayu gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Di dalam alasan penghakimannya (di kandungan 7 rekod rayuan Jld 2) hakim bicara di antara lainnya telah memutuskan seperti yang berikut:

[26] Dalam kes ini, OKT telah dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan pilihan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu susulan daripada rayuan oleh pihak pendakwaan terhadap keputusan saya melepaskan dan membebaskan OKT daripada pertuduhan utama dan pertuduhan pilihan di akhir kes pendakwaan.

[27] Dengan perintah tersebut, bermakna Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu telah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie ke atas OKT di atas pertuduhan pindaan, di mana elemen-elemen pertuduhan pindaan tersebut telah berjaya dibuktikan.

[28] Oleh yang demikian, pada peringkat ini, tidak perlu bagi saya untuk membincangkan tentang elemen-elemen pertuduhan pindaan.

[29] Tugas saya pada peringkat ini adalah untuk menilai keterangan OKT sama ada telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah di atas kes pendakwaan.

[30] Di akhir kes pembelaan, setelah menimbang keterangan pihak pembelaan, meneliti dan memperhalusi semula semua keterangan yang ada di hadapan Mahkamah dan menimbang penghujahan kedua-dua belah pihak dan nas-nas yang dikemukakan, saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa sebarang keraguan yang munasabah dan pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan berdasarkan alasan-alasan berikut:

(a) OKT dalam keterangannya mengesahkan kewujudan P8. Malah beliau mengesahkan bahawa terdapat tulisan tangan beliau di atas P8 tersebut dan beliau sendiri mengesahkan bahawa beliau telah menandatangani P8 tersebut;

(b) walau bagaimanapun, semasa memberi keterangan membela diri, beliau mengatakan tidak ingat dari mana beliau memperolehi resit P8 tersebut;

(c) saksi-saksi di peringkat pendakwaan dengan tegas mengatakan resit P8 itu diserahkan sendiri oleh OKT kepada bahagian kewangan untuk dibuat tuntutan OKT sendiri;

(d) Tuan Fakarudin (SP2) dan isterinya (SP3) mengesahkan bahawa resit P8 tersebut bukan dikeluarkan oleh pihak mereka. Malah SP2 menjelaskan bahawa mereka memang bercadang untuk memberikan ikan-ikan kerapu hybrid tersebut secara percuma;

(e) oleh yang demikian, dari mana sebenarnya OKT mendapatkan resit P8 tersebut?

(f) semasa memberi keterangan, OKT ada mengatakan bahawa unit kewangan yang menyerahkan resit P8 tersebut kepada beliau untuk ditandatangani. Walau bagaimanapun, semasa saksi-saksi tersebut memberi keterangan, isu ini tidak dibangkitkan sama sekali. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan penghujahan TPR terpelajar bahawa isu ini suatu pemikiran semula dan rekaan OKT semata-mata;

(g) saya mendapati keterangan di mahkamah menunjukkan bahawa OKT sendiri yang telah menyerahkan resit P8 kepada pihak kewangan untuk membuat tuntutan sebanyak RM600. Selepas pihak kewangan menyediakan baucer bayaran, dokumen-dokumen tersebut bersama dengan resit P8 diserahkan kepada OKT untuk ditandatangani sebagai Ketua Jabatan bagi meluluskan pembayaran tuntutan RM600 tersebut;

(h) keterangan di mahkamah juga menunjukkan bahawa OKT sendiri telah menandatangani akuan penerimaan wang tunai berjumlah RM600 tersebut;

(i) sekiranya benar dakwaan OKT bahawa resit P8 disediakan oleh bahagian kewangan, sebagai Ketua Jabatan beliau sepatutnya membuat kuiri berkenaan dengan tuntutan tersebut, tambahan pula tuntutan tersebut dibuat oleh dirinya sendiri;

(j) alasan OKT mengatakan bahawa beliau lupa dari mana beliau mendapatkan resit P8 tersebut adalah suatu alasan yang tidak munasabah dan tidak boleh diterima akal;

(k) jika dilihat kepada fakta kes, resit P8 disediakan bagi tujuan pembelian cenderahati kepada VVIP semasa Mesyuarat Agong LPP pada tahun tersebut;

(l) fakta kes menunjukkan bahawa hanya ada satu sahaja Mesyuarat Agong pada tahun tersebut. la adalah suatu peristiwa yang istimewa, yang pada pendapat saya sukar dilupakan oleh OKT;

(m) banyak fakta lain yang dingati oleh OKT dalam kes ini. Hanya satu perkara sahaja yang beliau lupa atau sengaja lupa atau cuba menyembunyikan fakta sebenar iaitu dari mana beliau memperolehi resit P8 tersebut;

(n) di akhir analisis, saya mendapati tiada keterangan lain yang dikemukakan atau yang mahkamah boleh buat inferen melainkan resit P8 tersebut sebenarkan dikemukakan oleh OKT sendiri bagi tuntutan sebanyak RM600 yang beliau mendakwa telah dibayar kepada Tuan Fakarudin (SP2) bagi kos pembelian ikan kerapu hybrid untuk cenderahati VVIP semasa Mesyuarat Agong LPP;

(o) saya mendapati OKT gagal memberikan penjelasan yang munasabah dari mana atau bagaimana beliau mendapat resit P8 tersebut;

(p) alasan lupa dalam kes ini bukanlah suatu pembelaan yang munasabah jika dilihat kepada fakta kes secara keseluruhan;

(q) saya percaya bahawa OKT sebenarnya mengetahui dari mana beliau memperolehi resit P8 tersebut, tetapi tidak mahu mendedahkan kepada Mahkamah atas sebab-sebab yang beliau sendiri ketahui;

(r) keterangan OKT yang tidak konsisten dan sentiasa berubah-ubah menunjukkan bahawa OKT sebenarnya sedang mereka-reka cerita. Antara keterangan yang tidak konsisten adalah seperti berikut:

(i) OKT kata tidak ingat dari mana beliau memperolehi P8 tersebut;

(ii) OKT kata P8 itu disediakan oleh pihak kewangan;

(iii) OKT kata SP2 yang keluarkan P8 tersebut semasa beliau membuat pembayaran RM600 pada malam tersebut;

(iv) OKT kata pihak kewangan ingin menganiaya beliau dengan menyediakan P8 tersebut;

(v) OKT kata semasa P8 itu disediakan, beliau tiada di pejabat kerana menghadiri mesyuarat di luar kawasan; dan

(vi) OKT kata P8 itu adalah dokumen tulen, bukan dokumen palsu.

(s) keterangan-keterangan OKT yang sentiasa berubah-ubah ini menyebabkan kredibiliti beliau sukar untuk dipercayai, tambahan pula keterangan OKT tidak disokong oleh mana-mana keterangan bebas yang lain, sebaliknya bercanggah secara material dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan yang saling sokong menyokong antara satu sama lain; dan

(t) oleh yang demikian, keterangan di mahkamah adalah jelas menunjukkan bahawa OKT dengan curangnya telah menggunakan suatu dokumen sebagai tulen iaitu satu resit bertarikh 17 September 2016 bagi pembelian Ikan Kerapu Hibrid berjumlah RM600 yang mana beliau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

[31] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, saya memutuskan OKT disabitkan sebagaimana pertuduhan pilihan.

[70] Berdasarkan kepada keterangan yang dizahirkan serta alasan penghakiman mahkamah seysen dan juga Mahkamah Tinggi yang disedaikan, kami mendapati tiada sebarang kekhilafan di pihak kedua-dua mahkamah tersebut berhubung dengan dapatan sabitan yang dibuat oleh mereka bagi pertuduhan pilihan ini. Rayuan terhadap isu ini tidak berasas dan ditolak.

KESIMPULAN

[71] Berpaksikan kepada alasan-alasan yang dikupas di atas, penghujahan bertulis dan lisan kedua-dua pihak, kami sebulat suara mendapati tiada terdapat apa-apa merit di dalam rayuan ini untuk mewajarkan kami campurtangan terhadap keputusan mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi yang mendapati perayu bersalah terhadap pertuduhan pilihan yang telah dikenakan terhadapnya. Sabitan adalah selamat untuk dikekalkan.

HUKUMAN

[72] Walaupun nilai wang yang menjadi subjek pertuduhan hanyalah sekadar RM600 sahaja dan kerugian yang dialami oleh Pertubuhan Peladang Negeri Terengganu ini tidaklah sebesar mana, namun apa yang harus diberi penekanan berat adalah perbuatan perayu yang telah secara curang mengemukakan dokumen palsu untuk membuat tuntutan bagi keuntungan dirinya sendiri. Perayu adalah pengurus besar di dalam organisasinya. Amanah berat yang dipikul dibahunya telah tidak dilaksanakannya dengan ikhlas, jujur dan berintegriti.

[73] Benarlah kata pujangga, integriti boleh diumpamakan seperti mencari semut hitam yang berjalan di atas batu yang sangat hitam pada malam gelap-gelita. Zahirnya memang tidak kelihatan tetapi ia perlu ada dalam jiwa dan raga setiap manusia.

[74] Oleh itu, masyarakat kita perlu melihat isu integriti ini secara serius kerana ia boleh meruntuhkan sistem dan nilai kehidupan kita. Malah, bangsa dan negara juga boleh tergadai dan hancur berkecai jika integriti tidak lagi menjadi perisai kehidupan seharian.

[75] Setelah mempertimbangkan mitigasi peringanan hukuman oleh perayu serta faktor pemberatan seperti kepentingan awam, kami sebulat suara memerintahkan seperti yang berikut:

(a) bagi Rayuan Jenayah No T-06B-38–05 Tahun 2022:

(i) rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman ditolak; dan

(ii) keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu bertarikh 11 Mei 2022 mengenepikan perintah mahkamah sesyen dan meminda

kepada hukuman pemenjaraan selama satu minggu bermula 11 Mei 2022 dan denda RM 10,000 jika gagal bayar sembilan bulan pemenjaraan dikekalkan.

(b) bagi Rayuan Jenayah No T-06B-39–05 Tahun 2022:

(i) rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman ditolak; dan

(ii) keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu bertarikh 11 Mei 2022 mengenepikan perintah mahkamah sesyen dan meminda kepada hukuman pemenjaraan selama satu minggu bermula 11 Mei 2022 dan denda RM10,000 jika gagal bayar sembilan bulan pemenjaraan dikekalkan.

Rayuan terhadap sabitan dan hukuman ditolak.

Reported by K Selvaraju